



## **SOALAN LAZIM MENGENAI PEMBAYARAN GERAN KHAS PRIHATIN TAMBAHAN (GKP TAMBAHAN) DI BAWAH PAKEJ PERLINDUNGAN EKONOMI & RAKYAT MALAYSIA (PERMAI)**

### **1. Apakah Geran Khas Prihatin Tambahan (GKP Tambahan) di bawah Pakej PERMAI?**

GKP Tambahan adalah bantuan kewangan tambahan secara *one-off* yang disediakan oleh Kerajaan kepada Perusahaan Kecil & Sederhana (PKS) mikro yang menerima bantuan Geran Khas Prihatin (GKP 1.0 dan GKP 2.0) sebelum ini.

### **2. Siapakah yang akan menerima GKP Tambahan?**

GKP Tambahan akan diberikan kepada penerima yang lulus GKP 1.0 dan GKP 2.0 termasuk rayuan.

### **3. Berapakah amaun bantuan GKP Tambahan?**

Amaun bantuan GKP Tambahan secara *one-off* adalah seperti berikut:

- PKS mikro bagi negeri Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) – RM1,000
- PKS mikro bagi lain-lain negeri – RM500

### **4. Bilakah tarikh pembayaran GKP Tambahan akan dibuat?**

Tarikh bayaran adalah pada Mac 2021.

### **5. Bagaimanakah kaedah pembayaran GKP Tambahan akan dilaksanakan?**

Kaedah pembayaran adalah sama seperti pelaksanaan GKP 1.0 dan GKP 2.0 iaitu dikreditkan ke akaun bank simpanan atau semasa peribadi penerima yang didaftarkan pada permohonan GKP sebelum ini. Pembayaran hanya dikreditkan kepada penerima yang mempunyai akaun bank yang aktif sahaja.

Disediakan pada: 19 Januari 2021